



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

12 OGOS 2024 (ISNIN)

'Madani Cat Showcase a Platform to Unite M'sians'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	12	12 Ogos

'Madani cat showcase a platform to unite M'sians'

KUALA LUMPUR: The Jom! Karnival Kucing Madani cat showcase attended by people of all races proves that such carnivals can serve as a platform to unite Malaysians, says Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.


The wife of the Prime Minister, who is also Bandar Tun Razak MP, said the public's encouraging response demonstrated that Malaysians were a united family with strong bonds and mutual goodwill.

"Previously, sports brought people together; today ... cats are uniting the people," she said in her speech at the carnival's closing ceremony yesterday at the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) Training Centre in Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, Bernama reported.

It was read by Social and Economic Research Initiative chairman Nurul Izzah Anwar. She also congratulated the



Mission im-paw-sible: A visitor trying to get a cat's attention with a toy. — Bernama



Star of the show: Visitors crowding around one of the cats at the Jom! Karnival Kucing Madani cat showcase held at the DBKL Training Centre in Bandar Tun Razak, KL. — Bernama

'Satu Demi Satu Kambing Boer Mati'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	15	12 Ogos

'Satu demi satu kambing boer mati'

DUNGUN – Seorang penternak terduduk apabila kerugian lebih RM10,000 selepas sembilan ekor kambing baka Boer dipeliharanya mati disyaki akibat termakan rumput beracun pada Rabu lalu.

Mina@Zulkifli Mat Husin, 57, berkata, sembilan ekor kambing Boer tersebut kelihatan tidak bermaya selepas meragut rumput di kawasan tanah lapang bersebelahan kandang ternakannya.

"Tidak tahu pula rupa-rupanya rumput tersebut telah diracun sehinggalah satu demi satu kambing peliharaan saya kelihatan tidak bermaya sebelum mati sejak Rabu lalu.

"Kambing-kambing tersebut sebenarnya dibela di dalam kandang dan ada masanya saya melepaskannya untuk meragut rumput di kawasan sekitar," katanya kepada Kosmo! ketika ditemui di Kampung Besol Lama, Bukit Besi di sini semalam.

Zulkifli berkata, biasanya dia akan memantau kambing-kambing sewaktu meragut rumput namun pada hari tersebut, dia terlepas pandang kerana sibuk menghalau kera di kebunnya.

Jelasnya, sehingga semalam, sembilan ekor kambing telah



ZULKIFLI membawa seekor kambingnya yang kelihatan lemah dipercayai termakan racun di Kampung Besol Lama, Bukit Besi, Dungun semalam.

mati dan beberapa ekor pula masih dalam keadaan tidak sihat.

"Kematian kambing-kambing berusia dalam lingkungan setahun dan lima tahun itu sangat menyedihkan kerana haiwan tersebut hanya menunggu masa

untuk dijual.

"Ini kejadian kedua kambing peliharaan saya mati akibat termakan rumput diracun sejak lebih 15 tahun jadi penternak. Kali pertama 10 tahun lalu iaitu 16 ekor mati," katanya.

'Seekor Demi Seekor Mati'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	24	12 Ogos



Ghazali melihat seekor kambing milik Mina@Zulkifli yang tidak bermaya dipercayai termakan rumput disembur racun.

Penternak rugi RM10,000
sembilan kambing
Boer dipelihara mati
termakan rumput
diracun

Oleh NORHASPIDA YATIM
DUNGUN

Seorang penternak terpaksa menanggung kerugian lebih RM10,000 apabila sembilan ekor kambing baka Boer yang dipeliharanya mati akibat termakan rumput dipercayai disembur racun.

Mina@Zulkifli Mat Husin, 57, dari Kampung Besol Lama, Bukit Besi di sini berkata, haiwan tersebut disedari tidak aktif dan mati secara berperingkat sejak Rabu lalu.

Menurutnya, sebelum kejadian haiwan tersebut dikesan meragut rumput di kawasan tanah lapang bersebelahan kandang kambing miliknya.

"Saya tidak tahu ada rumput di kawasan ini yang telah disembur racun. Saya hanya sedar selepas seekor demi seekor kambing dipelihara tidak bermaya dan mati.

"Saya ada cuba beri beberapa jenis ubat tetapi tidak berkesan," katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Sabtu.

Mina@Zulkifli berkata, kambing tersebut dipelihara di dalam kandang



Bangkai kambing Boer yang mati dipercayai termakan rumput disembur racun di kawasan tanah lapang berdekatan kandang.



tetapi dilepaskan seketika untuk haiwan tersebut meragut rumput di sekitar kawasan berkenaan.

Bagaimanapun katanya, pada hari kejadian dia tidak sempat untuk memantau rutin haiwan tersebut kerana sibuk menghalau monyet di kebun miliknya.

"Rasa terkilan juga sebab ada antara kambing yang berusia lingkungan antara satu hingga lima tahun sudah sedia untuk dijual.

"Sehingga semalam (Jumaat) sebanyak sembilan ekor kambing telah mati dan pagi ini masih ada beberapa ekor yang tidak sihat, tidak lalu makan dan kurang aktif," ujarnya yang memelihara 50 ekor kambing

pelbagai baka.

Kejadian menimpa haiwan ternakan Mina@Zulkifli itu mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Besi, Ghazali Sulaiman yang turut meluangkan masa melawat kandang haiwan tersebut.

Dalam pada itu, Mina@Zulkifli yang berpengalaman 15 tahun memelihara kambing berkata, kejadian itu merupakan kali yang kedua berlaku sepanjang menceburi bidang ternakan.

"Sekitar 10 tahun lalu kira-kira 16 ekor lembu saya pelihara mati akibat kes yang sama iaitu dipercayai termakan rumput yang disembur racun," katanya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	16	12 Ogos

Penternak ayam rugi akibat kurang permintaan di pasaran

hampir 40 hingga 50 peratus akibat keadaan itu.

Katanya, ayam di ladang ketika ini tidak laku, malah pemborong yang sebelum ini memborong 100 bakul ayam, kini hanya membeli 50 hingga 60 bakul.

"Walaupun saiz ayam terbandut, ada juga ayam mencecah berat sehingga tiga kilogram (kg) dan penternak terpaksa menjual ayam dengan harga murah kepada pemborong.

"Penternak terpaksa menjual harga ayam RM5 bagi satu kg ayam pada peringkat pemborong dan ia tidak mendatangkan isu kenaikan harga ayam segar di pasaran dalam tempoh terdekat," katanya kepada BH, semalam.

Sementara itu, harga ayam segar di beberapa daerah di Johor Bahru, turun RM2 kepada RM7.20 sekilogram sejak minggu lalu susulan lambakan bahan mentah berkenaan ketika ini.

Pengusaha rugi hingga 50 peratus sehingga terpaksa jual harga murah kepada pemborong

Oleh Essa Abu Yamin dan Togi Marzuki
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penternak ayam tempatan ketika ini menanggung kerugian besar akibat kekurangan permintaan di pasaran yang memaksa mereka menurunkan harga.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLPAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, berkata penternak terpaksa menanggung kerugian

rikutan harga yang diterima daripada pembekal juga lebih murah berbanding sebelum ini.


Namun katanya, penjualan ayam segar tidak serancak sebelum ini, terutama ketika musim perayaan mahu pun cuti persekolahan, menyebabkan berlaku lambakan ayam segar di pasaran.

Pengguna lega harga turun

Pekerja swasta, Nor Azura Mohd Amin, 36, pula berkata dia sebagai pengguna lega apabila harga bahan mentah utama itu turun.

Malah, katanya, harga ayam segar di harap kekal rendah dan tidak mengalami kenaikan dalam masa terdekat.

"Sudah tentu pengguna rasa lega apabila harga bahan mentah utama seperti ayam turun harga selepas bekalnya stabil dan melebihi keperluan rakyat," katanya.




Tinjauan harga ayam di Pasar Raja Bot, Chow Kit, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

la berbanding harga bahan mentah itu yang berada kekal pada harga RM9.20 sekilogram sejak Jun lalu.

Peniaga ayam, Faizal Abdulah, 53, berkata harga ayam segar di pasar mini sekitar Pontian, dekat sini mendapati

MFS81 Global Trading Sasar Pasaran Eksport

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Halal Niaga	23	12 Ogos



MOHD. Farhan Sabry (kanan) bersama pekerjaanya menunjukkan daging salai yang siap proses untuk pasaran kepada pelanggan.

MFS81 GLOBAL TRADING SASAR PASARAN EKSPORT

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
nazlina.nadzari@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: MFS81 Global Trading optimis untuk menembusi pasaran eksport ke Thailand bagi produk daging salai sedia dimakannya setelah menerima pensijilan halal yang dijangka hujung tahun ini.

Pengasasnya, Mohd. Farhan Sabry, 43, berkata, syarikat yang mula memperkenalkan produk terbaharu tersebut sejak awal tahun ini telah mohon pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) beberapa bulan lalu.

Katanya, terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dibuat bagi memperoleh pensijilan tersebut yang memerlukan modal untuk peralatan dan penambahbaikan di lokasi pemrosesan sedia ada.

"Oleh itu, saya berharap pihak berkenaan dapat memu-

dahkan proses untuk mendapatkan pensijilan halal ini supaya perniagaan ini dapat pergi lebih meluas lagi termasuk pasaran eksport.

"Buat masa ini, kami sudah mendapat permintaan daripada Selatan Thailand untuk produk daging salai ini. Pensijilan halal dapat membantu kami untuk pergi lebih jauh lagi," katanya ketika kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

MFS81 Global Trading yang beroperasi di Mata Ayer, Kangar, Perlis itu menggunakan daging lembu tempatan yang diternak oleh mereka sendiri untuk dijadikan daging salai tersebut.

Mohd. Farhan berkata, pihaknya memastikan produk yang dikeluarkan berkualiti dengan membela lembu sehinggalah kepada produk akhir itu sendiri iaitu daging salai yang sedia dimakan untuk membuat sandwich atau makan dengan nasi.

"Buat masa ini, kami mampu mengeluarkan tiga tan daging salai dalam masa sebulan. Jika kami dapat pensijilan halal nanti, kami yakin dapat meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran sehingga 10 tan sebulan, peningkatan sebanyak tujuh tan.

"Ini bagi memenuhi permintaan di pasaran eksport ke Thailand dan juga di pasaran tempatan dengan lebih meluas lagi termasuk ke pasar raya," ujarnya.

Dia yang bermula dengan perniagaan telur masin pada masa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 memberitahu, daging salai tersebut kini dipasarkan di kedai sekitar Perlis serta ejen di beberapa negeri termasuk Selangor.

Tambahnya, daging salai tersebut juga boleh didapati di platform Shopee di KeDai Cow yang dijual pada harga bermula RM13.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR